

# Tindakan radikal selamat pelajar Melayu

BH 26 JUL 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Jumaat – Kerajaan akan mengambil tindakan radikal bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada belenggu gejala sosial, keruntuhan moral, keciciran dan masalah pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi (IPT).

Antara tindakan itu termasuk menetapkan syarat kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu berdasarkan kecemerlangan (meritokrasi) dan tanpa bantuan kerajaan.

Bagaimanapun, langkah itu hanya sebagai percubaan untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun bagi mengetahui kesannya.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini yang membincangkan secara panjang lebar masalah pendidikan, keruntuhan moral pelajar, masalah guru dan prestasi lembab pelajar Melayu di IPT.

Tindakan lain yang akan disyorkan oleh Umno kepada kerajaan adalah seperti berikut:

- Undang-undang sedia ada dan Perlembagaan Persekutuan dipinda jika perlu untuk menghalang mana-mana pihak yang mengkhianati sistem pendidikan negara bagi kepentingan diri sehingga menye-

babkan pelajar Melayu menyeleweng seperti menyembah syaitan;

- Sistem baru mengajar akan diperkenalkan dengan guru sebagai pemudah cara untuk mengajar mengikut kurikulum yang sudah ditetapkan, bukan mengajar ilmu yang mirip kepada politik tertentu; dan

- Menubuhkan sebuah badan khas yang dianggotai sukarelawan di kalangan pegawai dan guru bagi membantu menangani masalah pelajar Melayu.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama tiga jam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tindakan radikal dibuat semata-mata bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada terus tercicir dan bagi menjamin masa depan generasi muda serta negara.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, tindakan itu mungkin menyebabkan tindak balas politik terhadap kerajaan, tetapi ia menjadi perkara serius yang melangkau batasan politik dan bukan untuk dijadikan modal politik oleh mereka yang cuba mengkhianati sistem pendidikan negara.

“Sebagai parti yang mendokong kerajaan, kita berpendapat bahawa kerajaan

**LIHAT MUKA 2**

# Kerajaan mahu beri pengajaran: Dr M

DARI MUKA 1

BH 20 JUL 2001

Kerajaan cari punca bilangan pelajar lelaki amat kurang di universiti

perlu mengambil tindakan radikal mengenai perkara ini. Kita tidak lagi boleh membenarkan perkara menyeleweng dan pengkhianatan ini berterusan kerana kesannya penuntut Melayu tidak belajar, terbabit menyembah syaitan dan macam-macam lagi.

"Kita tak boleh main-main mengenai perkara ini... kononnya hendak layan mereka kerana ini hak asasi manusia dan lain-lain. Kita perlu pentingkan masa depan mereka sendiri dan masa depan negara," katanya yang kecewa dengan keadaan sekarang.

Menjelas lebih lanjut tindakan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan ingin melihat berapa ramai pelajar Melayu boleh memasuki universiti berdasarkan kecemerlangan dan tanpa bantuan kerajaan.

"Kalau kita terpaksa kurangkan kemasukan penuntut Melayu ke dalam universiti, kita akan buat. Kalau ada yang tidak sedar bahawa mereka dibantu

masuk ke dalam universiti, maka kita perlu tunjuk. Kalau tidak ada bantuan kerajaan, apakah keadaan sebenarnya.

"Kita dapati di sesetengah tempat, mungkin tidak ada langsung penuntut Melayu jika tidak ada usaha oleh kerajaan. Jadi mungkin untuk setahun kita buat macam itu... semua kemasukan berdasarkan meritokrasi.

"Kita akan tengok apa terjadi kerana orang ini begitu yakin bahawa mereka tidak perlu sebarang bantuan daripada kerajaan dan kalau mereka dapat bantuan, mereka tidak belajar. Oleh itu, kita akan tengok apa terjadi kepada mereka apabila mereka tidak mendapat peluang ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga

akan mengkaji mengapa jumlah pelajar lelaki amat berkurangan di universiti dan ke mana perginya pelajar lelaki yang tercipir, sama ada terus tercipir atau memilih pendidikan lain yang kerajaan belum mendapat maklumat mengenainya.

Ditanya siapa yang dikatakan sebagai pengkhianat sistem pendidikan itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak perlu menyebutnya, tetapi rakyat boleh membuat anggapan sendiri.

"Setiap kali kita mahu melakukan sesuatu yang baik, kita dapati apa yang kita lakukan akan dipolitikkan, disalah tafsir dan diputarbelitkan untuk kepentingan politik. Ini sebabnya banyak usaha kita untuk membantu orang Melayu gagal kerana mereka ini akan sentiasa menjadikan setiap perkara itu isu politik," katanya.

Berikutan itu, katanya, satu badan khas yang akan ditentukan namanya kemudian akan ditubuh, dengan menjemput mana-mana pegawai kerajaan dan pegawai pendidikan secara sukarela mengambil bahagian da-

lam memperbaiki masalah itu.

"Tidak ada elaun khas. Kalau betul-betul berminat dan sayang kepada bangsa dan negara serta patriotik, mereka hendaklah sertai usaha ini secara rela hati dan tidak melihat kepada manfaat yang mereka dapat," katanya.

Ditanya siapa yang akan mengetuai badan itu dan bila ia akan dimulakan, beliau berkata Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, akan memainkan tugas utama dan ia akan dimulakan secepat mungkin.

Beliau berharap badan khas itu akan mendapat sokongan pegawai pendidikan, guru dan mereka yang sedar akan tanggungjawab mereka untuk menjayakan usaha memulihkan keadaan dalam negara ini.

"Kita tak akan membiarkan lagi penyalahgunaan dasar pendidikan kita untuk kepentingan lain, selain daripada menguasai ilmu pelajaran. Tindakan akan diambil jika didapati ada sesiapa yang tidak melaksanakan dasar pendidikan negara," katanya.